

LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Lampiran Pemberitahuan Produk ini memberikan maklumat penting mengenai insurans motor anda.

Liberty General Insurance Berhad
197801007153 (44191-P)

Pelanggan lain telah membaca Lampiran Pemberitahuan Produk ini dan mendapati ia bermanfaat;
anda juga patut membacanya.

Tarikh: 12/2025

1 Apakah Motorcycle 365 Plan ini?

Motorcycle 365 Plan ialah pakej tambahan dengan premium tambahan yang hanya boleh dibeli bersama produk insurans komprehensif atau pihak ketiga motosikal yang ditawarkan oleh kami. Pakej ini memberikan pampasan sekiranya berlaku kehilangan atau kerosakan kepada anda, penunggang yang dibenarkan anda dan/atau pembonceng akibat kecederaan, ketidakupayaan atau kematian yang disebabkan oleh kejadian kemalangan, ganas, luaran dan dapat dilihat.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan pembayaran **RM30.24 setahun (termasuk cukai perkhidmatan)**, anda akan menerima perlindungan berikut:

Motorcycle 365 Plan pakej anda melindungi:

No	Manfaat-Manfaat	Orang yang diinsuranskan	Semua penunggang	Pembonceng
1	Kematian akibat kemalangan	RM10,000	RM10,000	RM3,000
2	Hilang upaya kekal	Sehingga RM10,000	Sehingga RM10,000	Sehingga RM3,000
3	Indemniti berganda semasa cuti umum kebangsaan di Malaysia	RM20,000	Tidak berkenaan	
4	Perbelanjaan perubatan akibat kemalangan	Sehingga RM5,000		
5	Yuran ambulans	Sehingga RM250		
6	Elaun pengebumian	RM1,000		
Premium Tahunan (Sebelum Cukai Perkhidmatan)		RM28		

Pakej motor anda **tidak melindungi**•:

- Mencederakan diri sendiri, tidak siuman, bunuh diri atau sebarang cubaan melakukannya (siuman atau tidak siuman);
- Kematian atau hilang upaya secara langsung atau tidak langsung yang timbul daripada atau yang diakibatkan oleh atau disumbangkan oleh Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau Komplikasi Berkaitan AIDS (ARC) tidak kira bagaimana sindrom ini diperolehi atau dinamakan.

Senarai ini adalah **tidak menyeluruh. Sila rujuk endorsmen polisi untuk maklumat penuh tentang pengecualian di bawah pakej ini.*

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk pakej Motorcycle 365 Plan ini, anda mesti membayar premium berikut:

Premium Kasar	RM28.00
(+) 8% Cukai Perkhidmatan	RM2.24
(+) Duti Setem	Tidak berkenaan
Jumlah Premium Perlu Dibayar	RM30.24
Di mana ini termasuk:	
Komisen	10% daripada Premium Kasar atau RM2.80

Sila ambil perhatian bahawa:

- Kadar Cukai Perkhidmatan adalah tertakluk kepada kadar semasa yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia.
- Premium ini adalah sah setakat 01/11/2025.

Liberty General Insurance Berhad adalah ahli PIDM. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Liberty General Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan perlindungan insurans anda, anda boleh:



Hubungi kami di
1 800 88 3833



Layari kami di
www.kurnia.com



Emel kami di
customer@kurnia.com



Imbas kod
QR di atas



MAKLUMAT PENTING YANG PERLU ANDA TAHU

A	Tempoh perlindungan adalah satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan insurans setiap tahun.
B	Insurans ini hanya berkuat kuasa selepas premium telah dibayar sepenuhnya (cash before cover).
C	Tiada tambahan duti setem dikenakan dan pakej ini hanya boleh dibeli bersama produk komprehensif atau pihak ketiga motosikal.
D	Anda, penunggang dibenarkan anda atau pembonceng anda tidak akan layak untuk menerima manfaat-manfaat kemalangan yang dinyatakan di atas sekiranya anda atau penunggang dibenarkan anda membawa lebih daripada satu (1) pembonceng.
E	Sekiranya berlaku kemalangan, anda perlu memaklumkan kepada kami secepat mungkin. Anda boleh berbuat demikian dengan: • Buat laporan polis untuk segala kejadian. Untuk kemalangan di jalan raya, laporkan kepada pihak polis dalam masa dua puluh empat (24) jam. • Maklumkan kepada kami secara bertulis dalam tempoh tujuh (7) hari selepas kejadian tersebut. Isikan borang tuntutan dengan lengkap dan kembalikan kepada kami dengan dokumen berkenaan dalam tempoh masa dua puluh satu (21) hari dari tarikh pemberitahuan. • Sila muat turun aplikasi Kurnia One Touch App untuk berhubung terus dengan kami atau dail 1 800 88 3833 untuk bantuan.
F	Sebarang tuntutan manfaat-manfaat di bawah pakej ini tidak akan menjejaskan kelayakan NCD dan tiada ekses akan dikenakan.
G	Pengembalian semula perlindungan manfaat-manfaat yang disediakan adalah tidak dibenarkan. Motorcycle 365 Plan hanya boleh dibeli semula semasa pembaharuan produk komprehensif kereta persendirian.
H	Sila rujuk endorsmen Motorcycle 365 Plan untuk mendapatkan butiran penuh mengenai perlindungan ini.



Bolehkah saya batalkan Motorcycle 365 Plan saya?

- Ya. Anda boleh membatalkan Motorcycle 365 Plan anda pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada kami. Sewaktu pembatalan, anda layak untuk mendapat sebahagian bayaran balik premium Motorcycle 365 Plan sekiranya tiada tuntutan telah dibuat.
- Untuk maklumat sepenuhnya mengenai pembatalan, sila rujuk kepada kontrak polisi motor.